



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 19 OKTOBER 2023



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KPDN anjur KBBM Mega

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan menganjurkan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) Mega pada 2025.

Timbalan Menteri, Fuziah Salleh, berkata KBBM Mega akan mengumpulkan penggerak industri yang mengeluarkan semua kategori Barangan Malaysia, Barang Buatan Malaysia, jenama Malaysia dan Perkhidmatan Malaysia bawah satu bumbung.

"Kita cadangkan 2025 memandangkan MAHA akan dianjurkan pada 2024," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.



KPDN merancang untuk mengadakan Kempen Beli Barangan Malaysia Mega setiap dua tahun sekali. - *Gambar hiasan*

KBBM Mega setiap dua tahun sekali

la selari dengan komitmen kerajaan jadikan kempen tersebut setaraf MAHA

Oleh **MUKHRIZ MAT HUSIN**
KUALA LUMPUR

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) merancang untuk mengadakan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) Mega sekali setiap dua tahun seperti mana program Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh berkata, rancangan itu selari dengan komitmen kerajaan

untuk menjadikan KBBM Mega setaraf MAHA anjuran Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) atau yang lebih baik daripada itu.

"Ini akan menambah kalendar aktiviti negara untuk menarik pelancong dan potensi pengimport barangan Malaysia datang ke negara kita. Semua ini bergantung kepada kelulusan kerajaan dan peruntukan yang diberikan," katanya.

Beliau berkata demikian bagi menjawab pertanyaan soalan Datuk Rosol Wahid (PN-Hulu Terengganu) yang meminta penjelasan berhubung perkembangan perancangan mengadakan KBBM Mega sebagai usaha memperkasa perusahaan mikro, kecil dan sederhana terutama dalam situasi perniagaan berdepan



FUZIAH

cabaran kemelesetan ekonomi.

Dalam pada itu, ujar Fuziah, program KBBM Mega dicadangkan untuk dilaksanakan dalam tahun 2025 memandangkan MAHA akan dilaksanakan pada 2024.

"Ini membolehkan KPDN melaksanakan dengan lebih *grandeur*, teratur dan berimpak tinggi serta memberi ruang masa

untuk KPDN memasukkan KBBM Mega dalam Bajet 2025 dan mengatur strategi pengumpulan dana dan penajaan.

"Tahun 2023 dan 2024 akan digunakan untuk 'menjual konsep' KBBM Mega kepada semua pemain industri supaya lebih ramai pemain industri akan menyertai di samping melakukan perancangan rapi, promosi di dalam dan luar negara," jelasnya.

Beri maklumat, nama kedai masak ikan patin busuk

TEMERLOH - Pengguna diminta menyalurkan maklumat mengenai isu masakan ikan patin yang didakwa busuk kepada pihak berkuasa berkaitan termasuk penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk tindakan lanjut.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Pahang, Sim Chion Seng berkata, pihaknya memandang serius isu terbabit yang melibat-

kan kepentingan pengguna.

"Saya minta individu terbabit dapat memberikan maklumat termasuk nama kedai makan terlibat kepada pihak berkuasa termasuk KPDN."

"KPDN akan turun dan jika ia berkaitan kuasa Jabatan Kesihatan ia akan dilihat pihak berkenaan," katanya di sini semalam.

Menurutnya, dalam isu itu, siasatan terpe-

rinci perlu dilakukan bagi mengenal pasti punca ikan berkenaan busuk termasuk dari segi pembekal, penyimpanan dan sebagainya.

Pelanggan kecewa dihidang patin berbau seperti bangkai



KERATAN Kosmo! semalam.

Semalam Kosmo! melaporkan, keterujaan beberapa pelanggan untuk menikmati ikan patin berukar menjadi mimpi ngeri apabila hidangan itu didakwa berbau busuk seperti bangkai dalam kejadian di sebuah kedai makan di sini baru-baru ini.

Lebih mengecewakan apabila aduan yang dibuat kepada peniaga kedai makan terbabit tidak diendahkan, malah ganti rugi juga

tidak diberikan.

Pelanggan dikenali sebagai Hisham, 45, berkata, dia yang sering berulang alik ke Temerloh atas urusan kerja telah dua kali memakan masakan ikan patin berbau busuk.

Seorang lagi pelanggan dari Kuantan dikenali Elies Ezadin berkata, dia yang mengidam makan pais ikan patin di Temerloh juga amat terkilan apabila juadah yang dimakannya Ahad lalu berbau busuk.

Many traders still **not** complying with law: Fomca

► 40,000 complaints received annually involving price, weight and item labelling issues

■ BY LEE KIAN SENG
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Retailers continue to contravene the Price Control and Anti-Profitteering Act 2011 (PCAP), with 6,082 cases reported last year alone, said Federation of Malaysian Consumers Associations (Fomca) secretary-general and CEO Saravanan Thambirajah.

He added that among the various Acts enforced by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry, which included the Control of Supplies Act 1961 and the Direct Sales and Anti-Pyramid Scheme Act 1993, the highest number of complaints were related to PCAP.

"Ministry statistics revealed the total fines that retailers paid for failing to comply with

PCAP amounted to RM1.6 million last year."

According to Saravanan, other issues involving price tags were price manipulation, incorrect weight and discrepancies in item names and prices.

He said Fomca has conducted market surveillance, including price monitoring and supply checks, and engaged with errant retailers to rectify the situation.

"Should the issue persist, we (then) report it to the ministry for enforcement action against the retailers. Fomca also established the National Consumer Complaints Centre to mediate with traders.

"We receive some 40,000 complaints annually, most of which involve e-commerce, telecommunication and retail businesses."

Saravanan urged the ministry to increase engagement with retailers, particularly those operating online.

"There were many complaints of misleading prices lodged by consumers who purchased products online. Hence, robust regulations to protect consumers are urgently needed.

"The ministry has to take decisive measures to comprehensively regulate the online sector as self-regulation by retailers often falls short of achieving intended goals."

He said consumer education is a means of combating the lack of price tag enforcement and aiding authorities in addressing such violations.

"Consumers are inundated with a range of products and services from various brands. They are often exposed to advertisements and offers designed to boost sales.

"Young people are more prone to advertising exposure, especially on social media, which can lead them to spend their money on products they may not necessarily need.

"To address the issues, we embarked on a series of consumer education programmes designed to educate the public about consumer rights and responsibilities, such as *Hari Pengguna Malaysia* and *Kempen Konsumer Kebangsaan*."

Saravanan said the programmes have been extended to communities, universities and schools nationwide, focusing on pricing, scams, sustainable consumption and financial literacy.

"We conducted them at almost 60 public and private universities together with Gerakan Pengguna Siswa, private colleges and student representative associations.

"We also conducted more than 120 programmes that target resident associations, heads of villages, mosques and city councils."



AEON BiG menghargai para petugasnya sehingga membolehkan pasar raya yang ditubuhkan pada 2012 itu beroperasi sehingga kini dan mempunyai 21 buah cawangan di seluruh negara. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN

Sempena ulang tahun ke-11 penubuhannya

AEON BiG hargai pelanggan, pekerja dan rakan perniagaan

Oleh NURUL IRDINA SUMALI
rdina.sumali@medianusa.com

PETALING JAYA: Ulang tahun yang ke-11 AEON BiG Sdn. Bhd. akan diraikan dengan memberi penghargaan kepada para pelanggan, pekerja dan rakan perniagaan atas sokongan yang diberikan sepanjang lebih sedekad penubuhannya.

Bercakap kepada Utusan Malaysia, Pengarah Urusan AEON BiG (M), Sheikh Farouk Sheikh Mohamed berkata, sambutan ini dilakukan dengan memberi potongan harga istimewa sehingga 50 peratus dan pelbagai hadiah menarik, menanti semua pelanggan pada hari ini.

"Kempen yang akan berlangsung sepanjang enam minggu bermula hari ini sehingga 26 November ini memberi peluang kepada pelanggan untuk berbelanja dengan potongan harga hingga 50 peratus," katanya kepada Utusan Malaysia.

Berternakari 'Meralkan setiap detik kemenangan, kempen ini diinspirasi untuk membongk semula kepada pelanggan dan juga komuniti yang sentiasa menyokong AEON BiG terutama dalam tempoh mencabar seperti Covid-19 dan juga banjir besar yang melanda pada 2021.

"Saya masih ingat bagaimana teruk AEON BiG Shah Alam, Selangor terjejas semasa banjir melanda pada tahun 2021, banyak kerugian yang kita terpaksa tanggung, hampir merencat jutaan ringgit.



**SHEIKH FAROUK
SHEIKH MOHAMED**

AEON BiG (M) Sdn Bhd

- » Ditubuhkan pada 1 November 2012
- » Jumlah cawangan 21 di seluruh Malaysia (K.L., Selangor, Pahang, Perak, Pulau Pinang)

"Tetapi apa yang mengejutkan saya, komuniti daripada pihak surau, residen sendiri datang bersama-sama membantu AEON BiG membaiki dan membaiki pulih semula," katanya.

Oleh sebab itu Sheikh Farouk berkata, kempen ini dilaksanakan untuk membantu komuniti berbelanja dengan kadar barbaloi, secara tidak langsung membantu pembekal untuk meningkatkan semula perniagaan mereka.

Sheikh Farouk berkata, disebabkan kejadian itu, AEON BiG aktif dalam aktiviti kemasyarakatan



SHEIKH Farouk Sheikh Mohamed (dua kiri) dilirni Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Ariffin Samsudin (tiga kiri) dan wakil penaja bersama Proton X50, hadiah utama peraduan 'Shop More Win More' sempena ulang tahun ke-11 AEON BiG di Wangsa Maju, Kuala Lumpur, kelmarin.

seperti menanam pokok dan membaiki jalan. Beliau berkata, kempen ini dilaksanakan untuk membantu komuniti berbelanja dengan kadar barbaloi, secara tidak langsung membantu pembekal untuk meningkatkan semula perniagaan mereka.

"Bukan itu sahaja, kita juga telah berkahwin dengan menggunakan tenaga solar di premis AEON BiG sebagai tanda sokongan untuk merajai alam sekitar," katanya.

Kempen yang akan berlangsung sepanjang enam minggu bermula 19 Oktober sehingga 26 November memberi peluang kepada pelanggan untuk berbelanja dengan potongan harga hingga 50 peratus," katanya.

Katanya, orang ramai yang berbelanja sebanyak RM111 berpeluang untuk memenangi satu unit Proton X50 Flagship dan dua unit Proton Saga Premium.

"Perbelanjaan minimum adalah bermula RM111 dalam satu resit, kalau berbelanja sehingga RM333 akan dapat enam kali peluang untidimening," katanya.

Bulan itu sahaja, pemenang bertuah akan dipilih setiap minggu untuk memenangi hadiah dalam bentuk AEON BiG Gift Card untuk berbelanja di AEON BiG.

Sementara itu Proton menjadi Penaja Platinum sepanjang kempen tersebut manakala Penaja Emas pula adalah Nestle, Felda Global Ventures, Mamee Double-Decker and Tyson Malaysia.

Menurut Sheikh Farouk, banyak promosi menarik yang akan ditawarkan selain pengumuman promosi istimewa pada 11 November nanti.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada semua pelanggan, pekerja dan rakan perniagaan atas sokongan yang telah diberikan sepanjang 11 tahun penubuhan AEON BiG.

Pihaknya juga berharap AEON BiG kekal relevan dan menjadi lebih daripada sekadar sebuah pasar raya malah sebagai sebahagian daripada kisah hidup orang ramai dengan komitmen yang tidak pernah pudar dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.

"Kami berbangga menjadi destinasi beli-belah kegemaran untuk pelbagai keperluan, daripada pelbagai barangan rumah sehingga barangan rumah, pakaian dan banyak lagi," katanya.

Ganjaran buat pelanggan setia

AEON Big lancar kempen 'Shop More Win More' selama enam minggu sempena ulang tahun ke-11

Oleh Sullati Aeri
 sullati@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pasar raya besar terkemuka negara, AEON BIG (M) Sdn Bhd (AEON BIG) melancarkan Kempen 'Shop More Win More' sempena sambutan ulang tahunnya yang ke-11.

Kempen enam minggu bermula hari ini (19 Oktober) sehingga 18 November tidak hanya menawarkan diskaun sehingga 50 peratus, tetapi turut menyediakan 11 hadiah utama untuk dimenangi.

Tiga hadiah utama menanti pelanggan sepanjang kempen cukup bernakna buat AEON BIG ini ialah kereta Proton X50 Flagship dan dua Proton Saga Premium.

Manakala lapan hadiah mingguan untuk dimenangi barangan elektrik lalu dua televisyen Sharp 70" An-



SHEIKH Farouk (kiri), Pengarah KPDN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Ariffin Samsudin (dua dari kiri) dan Timbalan Pengarah Jualan Proton Rajendran Nambiappan (dua dari kanan) bersama hadiah utama.

droid UHD, dua unit Peti Sejuk Toshiba, dua C-SAM-Asa 9G 8+256GB dan dua Pengeret Pencuci Toshiba.

Selain itu, pemenang mingguan berpeluang memenangi Gift Card bernilai RM100 yang boleh digunakan kembali untuk berbelanja di AEON BIG.

Pengarah Urusan AEON BIG, Sheikh Farouk Sheikh Mohamed berkata, sejak penubuhannya, AEON BIG bernaamntam memberi pengalaman membeli-belah luar biasa, unik dan istimewa kepada pelanggan.

Katanya, selepas lebih se-dekad, AEON BIG meraikan pencapaian hebat yang ti-

dak mungkin dapat dicapai tanpa sokongan pelanggan setia.

"Kempen ini inisiatif AEON BIG untuk memberi kembali kepada pelanggan yang menyokong kami sepanjang 11 tahun ini."

"Menurusi kempen ini juga, kami tidak hanya memberi ganjaran, tetapi mahu menarik pelanggan baharu berbeza di AEON BIG terutama generasi muda yang jarang berkunjung ke pasar raya besar."

"Kempen ini dapat membantu mendidik dan membuka mata generasi muda bahawa produk tertentu di pasar raya besar ini lebih murah berbanding kedai serbaneka," katanya.

Sheikh Farouk berkata, sepanjang 2023, AEON BIG melaksanakan pelbagai program termasuk jualan ilham dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dengan pi-

lian barangan segar.

"Selepas itu, kami dianjurkan 'Orange Day' di cawangan terpilih AEON BIG setiap bulan secara bergilir."

Menariknya, kempen Shop More Win More ini, ia dilaksana serentak di semua 21 cawangan AEON BIG di seluruh negara iaitu tiga di Johor Bharu, dua di Pulau Pinang, satu di Perak dan satu di Kuantan serta 14 di Kuala Lumpur dan Selangor," katanya.

Menawarkan hadiah keseluruhan sebanyak RM211,000, kempen ini turut membabitkan empat penaja kategori emme iaitu Nestle, Tyson, Felda Global Ventures (FGV) dan Mamee serta 130 rakan kongsi perniagaan, termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan syarikat antarabangsa yang menyokong kempen ini.

Pembabit rakan perniagaan ini bukan hanya memanfaatkan 'AEON BIG' tetapi juga memberi pe-

luang kepada rakan perniagaan dan pembekal untuk meningkatkan jualan sepanjang kempen ini.

Oleh itu, Sheikh Farouk menyeru orang ramai berkunjung ke AEON BIG dan 'Shop More Win More' untuk memenangi hadiah yang di sedinkan.

"Berbelanja minimum RM111 dan anda berpeluang menangi hadiah utama. Jika berbelanja hingga RM333, peluang digandakan kepada enam kali."

"Jika anda beli produk daripada 130 syarikat yang menyokong kempen ini pula, anda akan dapat tujuh kali peluang untuk menang," katanya.

Untuk maklumat lanjut, layari laman sesawang www.aeonbig.com.my atau ikuti platform media sosial AEON BIG di Facebook: My AEON BIG, Instagram: myaeonbig, TikTok: myaeonbigofficial dan LinkedIn: AEON Group Malaysia.

Belanja lebih-Lebih di AEON BIG untuk Meningkatkan peluang memenangi hadiah bernilai sehingga

RM211,000

19 OKTOBER 2023 - 18 NOVEMBER 2023

HADIAH UTAMA

Proton X50 Flagship x1
 Proton Saga Premium x2

LANGKAH 1: BELANJA
 Belanja min. RM111 dalam satu sesi di mana-mana cawangan AEON BIG. RM333 = 3 perbelanjaan.

LANGKAH 2: SERTAI
 Adukan gambar hasil dan hantar melalui WhatsApp ATAU hantar surat pos melalui posmen ke: AEON BIG, 30473-1, 30473-1.

LANGKAH 3: MENANG
 11 hadiah utama menyeronokkan ini akan diundi untuk pemenang-tujuh.

19 OKTOBER 2023 - 8 NOVEMBER 2023

5/11 Apple Red Globe 500g	8/11 Ikan Bakar 400g	26/11 Ayam Goreng 1kg	20/11 Ayam Goreng 1kg
27/11 TV LED 32"	11/11 TV LED 32"	59/90 TV LED 32"	111 TV LED 32"
2111 TV LED 32"	2111 TV LED 32"	2111 TV LED 32"	2111 TV LED 32"

Petaja Utama

Petaja Sedia

Petaja Perak

Petaja Rakan

AEON BiG raikan pelanggan, rakan kongsi sempena ulang tahun ke-11

Belanja RM111, menang Proton X50

Oleh NUR ALWANI
ZAFIRAH KHAIRUL

SUBANG JAYA – Hanya dengan berbelanja serendah RM111, pengunjung AEON BiG, berpeluang memenangi tiga hadiah utama iaitu sebuah kenderaan utiliti sukan (SUV) Proton X50 Flagship serta dua unit Proton Saga Premium sempena Belanja Lebih Menang Lebih.

Kempen yang diadakan selama sebulan, bermula hari ini sehingga 18 November depan, itu adalah bersempena dengan sambutan ulang tahun ke-11 AEON BiG (M) Sdn. Bhd. (AEON BiG).

Pengarah Urusan AEON BiG, Sheikh Farouk Sheikh Mohamed berkata, kempen tersebut sebagai tanda penghargaan kepada para pelanggan, pekerja dan rakan niaga atas sokongan yang diberikan sepanjang lebih sedekad penubuhan syarikat.

"Kami ingin meraikan hari ini dan detik ini bersama rakyat Malaysia secara keseluruhannya bersempena tempoh 11 tahun yang terindah bersama anda."

"AEON BiG telah bekerjasama dengan hampir 130 syarikat rakan niaga serta syarikat automotif, Proton Holdings Berhad (Proton) sebagai Penaja Platinum untuk menyediakan pelbagai hadiah lumayan buat para pelanggan, selain Penaja Emas iaitu Nestle, Felda Global Ventures, Mamee Double-Decker dan Tyson Malaysia," katanya ketika ditemui Kosmo! baru-baru ini.

Bertemakan 'Meraikan Setiap Detik Kemenangan', Sheikh Farouk berkata, kempen ini diinspirasi untuk memberi semula kepada pelanggan dan juga komuniti yang sentiasa menyokong AEON BiG terutama dalam tempoh mencabar seperti Covid-19, serta bencana banjir besar yang melanda pada 2021.

"Saya masih ingat bagaimana teruknya AEON BiG Shah Alam, Selangor terjejas semasa banjir melanda pada tahun tersebut, banyak kerugian yang kita terpaksa tanggung, hampir mencecah jutaan ringgit."

"Pun begitu, apa yang paling mengejutkan saya ialah apabila komuniti setempat dari surau berdekatan dan penduduk sendiri datang untuk bersama-sama membantu kakitangan AEON BiG melakukan proses pembersihan serta membaik pulih semula," kongsiya.

Katanya, kenangan tersebut antara sebab utama kempen ini dilaksanakan, disamping dapat membantu komuniti untuk ber-



SHEIKH FAROUK (lima dari kiri) melancarkan sambutan ulang tahun ke-11 AEON BiG bersama rakan niaga di cawangan AEON BiG Wangsa Maju, Selasa lalu.



KAKITANGAN pengurusan AEON BiG meraikan sambutan ulang tahun ke-11 syarikat yang ditubuhkan pada 1 November 2012.

belanja dengan kadar berbaloi, yang secara tidak langsung dapat membantu pembekal merancang semula perniagaan mereka.

Tambah beliau, orang ramai yang berbelanja lebih turut beroleh peluang lebih besar untuk memiliki hadiah-hadiah utama menerusi kempen berkenaan.

"Perbelanjaan minimum adalah bermula daripada RM111 dalam satu resit, namun kalau pengguna berbelanja sehingga RM333, mereka akan beroleh enam kali peluang untuk menang."



PROTON X50 Flagship, hadiah utama kempen Belanja Lebih Menang Lebih yang berlangsung sehingga 18 November depan.

"Bukan itu sahaja, seramai 11 orang pemenang bertuah akan dipilih setiap minggu untuk memenangi hadiah dalam bentuk AEON BiG Gift Card untuk berbelanja di AEON BiG," jelasnya.

Menurut Sheikh Farouk, terdapat juga pelbagai promosi-promosi menarik akan ditawarkan selain pengumuman istimewa pada 11 November nanti.

"Pada 11 November nanti, akan ada promosi yang lebih istimewa akan diberi kepada pelanggan, jadi jangan lepaskan peluang menikmati semua tawaran ini," katanya.

Dalam pada itu, Sheikh Farouk berterima kasih kepada semua pihak terlibat atas komitmen dan kerjasama yang diberikan sepanjang tempoh operasi AEON BiG selama ini.

"Dalam dekad yang mendatang kelak, AEON BiG berharap untuk kekal menjadi lebih daripada sekadar sebuah pasar raya, tetapi juga sebahagian daripada kisah hidup ramai pelanggan di Malaysia."

"Semoga syarikat berdepan masa depan yang cerah, dengan komitmen yang tidak pudar untuk menyediakan pelanggan dengan produk dan perkhidmatan terbaik."

"Terima kasih atas sokongan rakyat Malaysia, dan AEON BiG akan terus berkhidmat dengan baik pada tahun-tahun akan datang," ucapnya.

AEON BIG tawar ganjaran lebih RM211,000

Raikan para pelanggan setia sempena ulang tahun ke-11

OLEH MOHD AZLIM ZAINURY (FOTO MOHD HALIM ABDUL WAHID)

Sempena sambutan ulang tahun ke-11, AEON BIG (M) Sdn. Bhd. (AEON BIG) menawarkan kempen ganjaran melebihi RM211,000 kepada pelanggan-pelanggan setianya.

Kempen ganjaran itu ditawarkan sebagai penghargaan terhadap sokongan berterusan daripada para pelanggan sejak AEON BIG memulakan operasinya di negara ini pada 1 November 2012.

Dengan tema kempen 'Belanja Lebih, Menang Lebih' sambutan ulang tahun itu turut menggambarkan komitmen AEON BIG yang sentiasa bersama rakyat Malaysia.

Pengarah Urusan AEON BIG, Sheikh Farouk Sheikh Mohamed, berkata, sambutan ulang tahun ke-11 itu merupakan detik penting kepada pihaknya yang mana penghargaan tersebut turut dikongsi dengan rakan-rakan strategik perniagaan termasuklah warga kerja pasar raya itu.

"Justeru, sambutan ulang tahun AEON BIG ini akan disambut dengan kempen 'Belanja Lebih, Menang Lebih' yang menawarkan pelbagai kejutan dan promosi istimewa.

"Malah, para pelanggan setia juga turut berpeluang mendapat diskaun bermula 11 peratus sehingga 50 peratus," katanya kepada Sinar Harian pada Isnin.

Tambah Sheikh Farouk, tawaran itu terbuka kepada semua pelanggan AEON BIG yang mana pelanggan hanya perlu berbelanja RM111 ke atas dalam satu resit di mana-mana 21 cawangan AEON BIG di seluruh negara.

Pelbagai hadiah menarik

Dengan tawaran setiap minggu sepanjang tempoh kempen yang bermula pada 19 Oktober hingga 26 November ini, AEON BIG turut menawarkan peluang kepada seorang pelanggan bertuah untuk memenangi hadiah utama berupa sebuah kenderaan utiliti sukan (SUV) Proton X50.

Hadiah utama itu turut disusuli dengan dua buah kereta Proton Saga Premium menerusi kerjasama AEON BIG dengan rakan strategiknya, Proton Holdings Berhad (Proton).

Selain Proton sebagai penaja platinum, kempen 'Belanja Lebih, Menang Lebih' turut disertai rakan niaga AEON BIG lain sebagai penaja emas iaitu Nestle, FGV, Mamee dan Tyson.

Malah, kempen ini turut disertai 130 buah syarikat lain yang merupakan penaja perak dan gangsa.



Sheikh Farouk (kiri) bergambar bersama replika kunci SUV Proton X50 yang bakal dibawa pulang oleh pelanggan yang bertuah sempena kempen 'Belanja Lebih, Menang Lebih' AEON BIG.

Pengalaman membeli-belah

Dalam pada itu, Sheikh Farouk turut berkongsi hasrat AEON BIG yang sentiasa berusaha untuk memberikan pengalaman membeli-belah yang unik serta luar biasa istimewa untuk para pelanggannya.

"Sejak hari pertama AEON BIG bertapak di Malaysia, kami amat komited dalam menyediakan pelbagai produk berkualiti tinggi pada harga kompetitif.

"Kami berbangga menjadi destinasi membeli-belah barangan keperluan kepada rakyat Malaysia daripada barangan runcit, dalam rumah, pakaian dan banyak lagi di semua 21 cawangan AEON BIG di seluruh negara," jelasnya.

Pada masa sama, beliau turut menyatakan AEON BIG mengutamakan perkhidmatan yang baik kepada para pelanggannya sebagai antara fokus utama kemampunan perniagaan.

AEON BIG turut mengukuhkan perniagaannya dengan melaksanakan pelaburan dengan menyediakan pelbagai insentif, kempen dengan kerjasama pelbagai pihak.

Langkah itu adalah untuk memastikan AEON BIG sentiasa memenuhi jangkaan pelanggan.

Kemampunan dan santuni pelanggan

AEON BIG juga mengambil inisiatif memastikan kemampunan alam sekitar dalam melaksanakan operasinya di negara ini. Usaha ini adalah untuk mengurangkan kesan pelepasan karbon di samping menggalakkan aktiviti kitar semula dalam kalangan pelanggan.

Selain itu, AEON BIG turut bersama-sama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengadakan Program Payung Rahmah bagi menanganai kenaikan kos sara hidup golongan B40.

Malah, usaha tersebut turut diperluaskan dengan mengadakan Program Inisiatif Sukan Rahmah melalui Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Dalam pada itu, Sheikh Farouk menyatakan penghargaan tinggi terhadap warga kerja AEON BIG di atas dedikasi mereka yang berjaya meletakkan kepercayaan rakyat Malaysia terhadap rangkaian pasar raya itu.

"Warga AEON BIG adalah tonggak kejayaan syarikat yang tidak terkira banyaknya untuk sepanjang 11 tahun ini dan di masa akan datang," jelasnya yang turut berharap AEON BIG kekal menjadi sebahagian daripada kehidupan sehari-hari rakyat Malaysia.

Sejak hari pertama AEON BIG bertapak di Malaysia, kami amat komited dalam menyediakan pelbagai produk berkualiti tinggi pada harga kompetitif."

- Sheikh Farouk

AEON BIG
CELEBRATING 11 YEARS
RM211,000
19 OCTOBER 2023 - 26 NOVEMBER 2023
HADIAH UTAMA
Proton X50 (Model 2023) 1.8T Proton Saga Premium 1.8T
HADIAH PERTAMA 22 TV Sharp 55" 4K
HADIAH KEDUA 22 Fridge Sharp Freezer
HADIAH KETIGA 22 Washing Machine Aia 62
HADIAH KEEMPAT 22 Water Dispenser Pengisian Tenaga
HADIAH LIMA 22 Air Fryer 5.5L
GANDAKAN PELUANG ANDA dengan perbelanjaan RM333
11% DISKAUN
12% DISKAUN
15% DISKAUN
20% DISKAUN
25% DISKAUN
30% DISKAUN
35% DISKAUN
40% DISKAUN
45% DISKAUN
50% DISKAUN



Sheikh Farouk bersama kenderaan SUV Proton X50 yang ditawarkan sempena kempen 'Belanja Lebih, Menang Lebih' AEON BIG.

11TH ANNIVERSARY CELEBRATION

Shop more, win more at AEON BiG

Grand prizes,
promotions and
discounts await
patrons at 21 stores

AMALIA AZMI
KUALA LUMPUR
news@nsc.com.my

AEON BiG (Malaysia) Sdn Bhd, which celebrates its 11th anniversary this month, is offering customers discounts and a chance to win 11 main prizes as they shop.

The prizes include a Proton X50 Flagship, two Proton Saga Premiums, eight electrical items and an AEON BiG Gift Card worth RM100 to be won on a weekly basis.

The "Shop More, Win More" spe-

cial contest kicks off tomorrow and will run for six weeks until Nov 18. Customers can enjoy sales promotions and discounts for all categories at 21 participating stores nationwide.

AEON BiG managing director Sheikh Farouk Sheikh Mohamed says this sale will be their biggest ever, marking the first time they have undertaken such a large campaign. This includes a total expenditure of RM211,000 on gifts, in addition to offering discounts of between 11 per cent and 50 per cent.

Sheikh Farouk says the primary goal of the campaign is to show appreciation to their loyal customers for their support, especially during the Covid-19



AEON Co deputy chief executive officer Nana Okada (third from left), AEON Malaysia chairman Datuk Iskandar Sarudin (fourth from left), AEON BiG managing director Sheikh Farouk Sheikh Mohamed (fifth from left), Domestic Trade and Cost of Living Ministry (Kuala Lumpur) director Tuan Ariffin Shamsudin (sixth from left), Proton deputy director sales Rajendran Nambiar (seventh from left) and AEON BiG chairman Reiji Ono (eighth from left) at the launch of AEON BiG's 11th anniversary celebration at AEON Wangsa Maju in Kuala Lumpur on Tuesday. PIC: BY AGNES AZMEE



Sheikh Farouk Sheikh Mohamed

gandemic. "When we initiated this campaign, we aimed to not only reward our loyal customers but also to attract new ones, especially the younger generation who may not frequent hypermarkets."

"This will help educate the younger generation that certain products at hypermarkets are priced relatively lower compared with those in convenience stores."

For the 11th anniversary celebra-

tion, he says, instead of the usual once-a-month campaign in one store per selected state, the campaign will be extended to 21 stores nationwide, including three in Johor, Batu, two in Penang, one each in Perak and Kelantan, and 16 in the Klang Valley and Selangor.

Sheikh Farouk says an additional 130 business partners, including small- and medium-sized enterprises and international companies, are supporting this campaign.

This, he adds, not only benefits AEON BiG, but also offers opportunities for their business partners and suppliers to boost their sales revenue.

Among the Dato sponsors of the

campaign are Nestle, Tyson, Felda Oleba Ventures (F&O) and Marnia.

"Spend a minimum of RM111, and earn one chance for your name to be selected for the main prize. If you spend RM333, your chances double," says Sheikh Farouk.

"If you purchase products from the 130 companies supporting this campaign, your chances increase sevenfold."

He hopes the campaign will benefit customers of all backgrounds by providing reasonable pricing.

"This is the right time to also help Malaysians who are affected by the high price of essential commodities, in addition to giving back to loyal customers."

Shop more to increase your chances of winning!

Prizes worth up to

RM211,000

19 OCTOBER 2023 - 18 NOVEMBER 2023

GRAND PRIZE

Proton X50 Flagship x1
Proton Saga Premium x2

STEP 1: BUY

Spend min. RM111 in a single receipt at any AEON BiG store. (RM111 = 1 starry)

STEP 2: JOIN

Snap photo of receipt & submit via WhatsApp D8 app or connect form with your receipt at any AEON BiG store.

STEP 3: WIN

11 Starlets will join the draw to win the prizes.

DOUBLE YOUR CHANCES WHEN YOU SPEND RM333

5.11

Red Globe Grapes 500g

8.11

Salmon (400g - 600g)

26.11

Udang Putih (12)

20.11

DYNA-MO Liquid Detergent Rolli Assorted (2.9kg)

27.11

VIRGA Deluxe Bathroom Roll 3 Ply 3740 x 3 Ply 168

11.11

CENTURY Storage Box 765x500x136.5 L W35 x H22.5cm

59.90

SMYLER 24cm Stir Fry Wok (11L)

111.11

PHILIPS 100W LED 100W LED 100W LED

211.11

SHARP 43in UHD Android TV 4K 4000K 1X

Proton Sponsor

Food Sponsor

Home Appliance Sponsor

AEON BiG Malaysia Sdn Bhd is a registered company in Malaysia. The company is not responsible for any loss or damage to the property of the customer. The company is not responsible for any loss or damage to the property of the customer. The company is not responsible for any loss or damage to the property of the customer.

aenbig.com.my



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



ANWAR ketika hadir Simposiun Laluan Ke Arah Kesejahteraan Lebih Baik Untuk Malaysia di Putrajaya.

Belum ada calon!

Perdana Menteri belum jumpa pengganti Menteri KPDN

Oleh **Hazwan Faisal Mohamad**
hazwanfaisal@mediaprima.com.my

Putrajaya

“Bila ada calon.” Demikian jawapan ringkas Datuk Seri Anwar Ibrahim apabila ditanya mengenai pengganti kekosongan jawatan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) susulan pemergian penyangandangnya, Allahyar-

ham Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Salahuddin meninggal dunia pada 23 Julai lalu.

Sementara itu, Perdana Menteri mengucapkan terima kasih terhadap Ahli Parlimen Kuala Kangsar Datuk Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid yang menyatakan sokongan kepada kerajaan Perpaduan.

“Saya belum menghubungi dia, telefon untuk berjumpa, tapi lihat dari kenyataan dia saya ucap terima kasih (kepada) dia beri sokongan. “Soal dia

nak kekal dengan Perikatan Nasional (PN) itu keputusan dia. Tapi saya fikir kalau orang lihat umpamanya apa yang kita cuba lakukan dan dasar ekonomi dan merakyatkan, jadi sepatutnya dia bagi satu dukungan baik,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan ucapan pembukaan dan merasmikan Simposiun Laluan Ke Arah Kesejahteraan Lebih Baik Untuk Malaysia di sini, semalam.

Ditanya mengenai dakwaan Ketua Pembangkang

bahawa Iskandar Dzulkarnain diugut supaya menyokong Perdana Menteri, Anwar menafikan dakwaan berkenaan.

“Kalau dia ada bukti dia kena bawa, tapi apa lagi dia nak kata. Yang saya tahu saya belum jumpa, belum hubungi dan saya tak hantar wakil, tak tahu siapa ugut. Kalau ada bukti kena keluarkan dan jangan pakai bebal saja dan kalau ada (ugutan), ini tuduhan serius dia patut bawa laporan dan biar ada siasatan,” katanya.

Cabinet vacancy to be filled when suitable candidate found: PM

PUTRAJAYA: Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said the Cabinet vacancy for the post of domestic trade and cost of living minister will only be filled when there is a suitable candidate.

The post was left vacant following the death of incumbent Datuk Seri Salahuddin Ayub in July.

The vacancy for the post had also led to talks of a Cabinet reshuffle.

However, when asked, Anwar said: "Cabinet reshuffle? Is there a need to reshuffle?"

"To fill the vacancy? When we have a suitable candidate," he said after attending a symposium on The Path Towards Greater Prosperity for Malaysia yesterday.

Minister in the Prime Minister's Department (Sabah, Sarawak Affairs and Special Functions) Datuk Armizan Mohd Ali is currently assuming the duties of domestic trade and cost of living minister.

On opposition leader Datuk Seri Hamzah Zainudin's allegation that Kuala Kangsar MP Datuk Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid (PN) was blackmailed to support the government, Anwar said such a serious allegation should come with solid proof to enable investigations.

"If he has proof, he should make it known, don't just simply make an allegation."

It was reported that Iskandar Dzulkarnain was blackmailed to support the government or face corruption charges.

On the MP's support for his leadership, Anwar said he appreciated and was truly grateful for it.

"I have not met or contacted him yet, but thank you for the support. Whether he wants to stay with PN or not, is all up to him," Anwar added. - Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 19 OKTOBER 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
19-Oct	KPDN rancang adakan Kempen Beli Barangan Malaysia Mega dua tahun sekali	https://www.sinarharian.com.my/article/630022/berita/nasional/kpdn-rancang-adakan-kempen-beli-barangan-malaysia-mega-dua-tahun-sekali	SH
19-Oct	KPDN sedang kenal pasti produk baharu ke pasaran antarabangsa	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/71366-kpdn-sedang-kenal-pasti-produk-baharu-ke-pasaran-antarabangsa	BERITARTM
19-Oct	Domestic trade ministry to hold Mega buy campaign in 2025 to promote local products	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/10/968458/domestic-trade-ministry-hold-mega-buy-campaign-2025-promote-local	NST
19-Oct	Eksport barangan tempatan perkasa industri Malaysia - Fuziah	https://www.google.com/amp/s/www.suarakeadilan.my/amp/eksport-barangan-tempatan-perkasa-industri-malaysia-fuziah	SUARAKEADILAN
19-Oct	Beri maklumat, nama kedai masak ikan patin busuk – Sim Chon Siang	https://www.kosmo.com.my/2023/10/18/beri-maklumat-nama-kedai-masak-ikan-patin-busuk-sim-chon-siang/	KOSMO
19-Oct	Stor haram simpan 36500 liter minyak diesel diserbu	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/10/1166580/stor-haram-simpan-36500-liter-minyak-diesel-diserbu	BH
19-Oct	Ministry raids Sri Aman storage area, seizes 36,500 litres of diesel	https://www.theborneopost.com/2023/10/18/ministry-raids-sri-aman-storage-area-seizes-36500-litres-of-diesel/	THEBORNEOPOST
19-Oct	KPDN Sri Aman serbu stor penyelewengan diesel bersubsidi, anggaran rampasan setinggi RM330k	https://dayakdaily.com/kpdn-sri-aman-serbu-stor-penyelewengan-diesel-bersubsidi-anggaran-rampasan-setinggi-rm330k/	DAYAKDAILY

19-Oct	Seleweng diesel bersubsidi, KPDN tahan dua lelaki	https://tvstv.my/2023/10/18/seleweng-diesel-bersubsidi-kpdn-tahan-dua-lelaki/	TVSTV
19-Oct	KPDN anjur Kempen Beli Barangan Malaysia Mega 2025	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/10/1166672/kpdn-anjur-kempen-beli-barangan-malaysia-mega-2025	BH
19-Oct	Domestic trade ministry to hold Mega buy campaign in 2025 to promote local products	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/10/968458/domestic-trade-ministry-hold-mega-buy-campaign-2025-promote-local	NST
19-Oct	Kerajaan rancang anjur Kempen Beli Barangan Malaysia Mega	https://selangorkini.my/2023/10/kerajaan-rancang-anjur-kempen-beli-barangan-malaysia-mega/	SELANGORKINI
19-Oct	Op Manis: 15,208 inspections conducted to curb sugar hoarding	https://theedgemalaysia.com/node/686737	THEEDGEMALAYSIA
19-Oct	Op Manis: 15,208 pemeriksaan dilaksana di seluruh negara	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/op-manis-15-208-pemeriksaan-dilaksana-di-seluruh-negara-442434%3famp=1	ASTROAWANI
19-Oct	Op Manis: 15,208 pemeriksaan dilaksana di seluruh negara	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2236355	BERNAMA
19-Oct	Op Manis: 15,208 inspections conducted to curb sugar hoarding	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2236353	BERNAMA
19-Oct	OP Manis: 15,208 Pemeriksaan Dilaksana Di Seluruh Negara	https://siakapkelikeli.my/2023/10/18/op-manis-15208-pemeriksaan-dilaksana-di-seluruh-negara/	SIKAPKELI
19-Oct	KPDN rampas berus gigi tiruan	https://www.sinarharian.com.my/article/630075/berita/semasa/kpdn-pulau-pinang-rampas-berus-gigi-tiruan	SH
19-Oct	Rampas 744 berus gigi tiruan	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/10/1021453/rampas-744-berus-gigi-tiruan	HM